

**BAHAGIAN A**

[ 50 markah ]

*Jawab mana-mana lima soalan sahaja daripada bahagian ini.*

1. (a) Rajah 1 menunjukkan logo sebuah pemilikan perniagaan.




Rajah 1

Huraikan ciri-ciri bentuk pemilikan perniagaan tersebut.

[6 markah]

- (b) Rajah 2 menunjukkan sektor perniagaan di Malaysia.




Rajah 2

Jelaskan sektor perniagaan X.

[4 markah]

2. (a) Rajah 3 di bawah ini menunjukkan suatu masalah ekonomi di sebuah negara.



Rajah 3

Jelaskan langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah yang berlaku pada tahun 2010.

[6 markah]

(b) Nyatakan kesan perubahan yang berlaku dalam persekitaran perniagaan jika pendapatan isi rumah meningkat.

[4 markah]

3. (a) Terangkan tujuan penetapan visi, misi dan objektif perniagaan sebagai satu panduan kepada sesebuah perniagaan.

[6 markah]

(b) Rajah 4 menunjukkan alat-alat komunikasi yang digunakan dalam Syarikat Maria Dalila Enterprise



Rajah 4

Jelaskan kepentingan teknologi maklumat dalam bahagian fungsian kewangan.

[4 markah]

4. (a) Jelaskan definisi sumber manusia dalam sesebuah organisasi perniagaan. [6 markah]
- (b) Terangkan **dua** jenis campuran pemasaran yang dijalankan oleh sesebuah organisasi perniagaan. [4 markah]
5. (a) Rajah 5 berkaitan dengan sumber fizikal sesebuah organisasi perniagaan.



Rajah 5

Jelaskan tujuan pengurusan sumber fizikal tersebut dilakukan. [6 markah]

- (b) Rajah 6 berkaitan dengan aset yang dibeli oleh sesebuah perniagaan.



Rajah 6

- i. Nyatakan jenis sumber pembiayaan luaran yang sesuai untuk membeli aset tersebut? [1 markah]
- ii. Berikan **tiga** kelemahan pembiayaan sumber tersebut. [3 markah]

6. (a) Tuti Juliyana Enterprise merupakan syarikat menjual peralatan sukan yang beroperasi di Mersing, Johor. Ringkasan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

**Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019**

	<b>RM</b>
Jualan	25 800
<i>Tolak:</i> Kos jualan	<u>18 800</u>
<b>R</b>	7 000
<i>Campur:</i> Hasil	<u>5 000</u>
	12 000
<i>Tolak:</i> Belanja	<u>4 300</u>
<b>S</b>	7 700
	=====

Jelaskan tentang **R** dan **S**.

[4 markah]

- (b) Terangkan **tiga** kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya

[6 markah]

**BAHAGIAN B**

[ 30 markah ]


*Jawab mana-mana **dua** soalan sahaja daripada bahagian ini.*

7. Pernyataan di bawah menunjukkan perniagaan yang dijalankan oleh Cik Nora.

Cik Nora merupakan seorang tukang jahit yang mengambil upah menjahit pakaian di kawasan rumahnya. Pelanggannya sangat berpuas hati dengan dengan mutu jahitan Cik Nora. Setelah beberapa tahun, Cik Nora membuka sebuah butik pakaian di Kampung Telawang dan mendaftarkan perniagaannya. Kini Cik Nora telah bergelar seorang usahawan kerana telah berjaya membuka tiga buah kedai jahitan dan mempunyai seramai 40 orang pekerja. Beliau juga berhasrat untuk membuka sebuah lagi kedai jahitan baharu di Kampung Raja berhampiran dengan kampungnya.

- (a) Apakah tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh seorang usahawan setelah mendaftarkan perniagaannya? [4 markah]
- (b) Nyatakan enam aspek yang perlu diberikan perhatian oleh pengurus sumber manusia untuk mewujudkan organisasi perniagaan yang mampan. [6 markah]
- (c) Terangkan faktor -faktor yang mempengaruhi persekitaran perniagaan. [5 markah]

8. (a) Rajah di bawah menunjukkan proses pendaftaran penubuhan sesebuah perniagaan.



Huraikan langkah-langkah penubuhan perniagaan yang bertanda X, Y dan Z.


[6 markah]

- (b) Situasi di bawah berkaitan dengan aktiviti komunikasi dalam sesebuah organisasi perniagaan.

Sejak penularan wabak COVID-19 yang berlaku di seluruh dunia pada ketika ini, pengurus pemasaran Syarikat Telco terkemuka di Malaysia iaitu Encik Borhan sedang bermesyuarat dengan ahli kumpulan pemasaran tentang strategi pemasaran yang hendak diaplikasikan dalam jangka masa terdekat. Mesyuarat secara jarak jauh dilaksanakan menggunakan “Google Meet”.

Bincangkan perkaitan fungsian pemasaran di atas dengan proses komunikasi yang sedang dilakukan. . [4 markah]

- (c) Gambar di bawah menunjukkan dua buah jenis perniagaan.




**Gambar A**

**Gambar B**

Jelaskan perbandingan peranan fungsian jualan yang terlibat dalam perniagaan **A** dan **B**. [5 markah]

9. (a) Rajah di bawah menunjukkan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan sesebuah perniagaan.



Jelaskan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan sesebuah perniagaan bagi **M** dan **N** di atas. [6 markah]

- (b) Bagaimanakah bahagian fungsian penyelidikan dan pembangunan (R&D) dapat membantu bahagian fungsian pemasaran?

[4 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Puteri Sdn. Bhd. yang mengeluarkan pelbagai sos masakan di Segamat, Johor.

Bilangan Pekerja	Jumlah Jualan Tahunan	Pasaran	Visi Perniagaan
<ul style="list-style-type: none"><li>• 80 orang</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• RM20 juta</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Johor</li><li>• Melaka</li><li>• Pahang</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• "Menjadi pembekal sos halal terkemuka di Malaysia"</li></ul>

Pada pendapat anda, apakah faktor yang akan mempengaruhi pengurusan Syarikat Puteri Sdn. Bhd. membuat perubahan visi perniagaan?

[5 markah]

**BAHAGIAN C**

[ 20 markah ]

*Soalan ini wajib dijawab*

10. Perniagaan menjual makanan menjadi satu fenomena yang sedang berkembang dengan pesat mutakhir ini. Negeri Kelantan turut dilanda dengan fenomena ini, antara perniagaan makanan yang sedang mencipta nama di negeri ini ialah “Perniagaan Nasi Kerabu Azmira”.

Perniagaan ini telah beroperasi lebih 20 tahun dahulu dan jenama ini telah bertapak dengan kukuh di negeri ini. Pn Azmira bt Abd Kadir, pemegang Ijazah Pengurusan Perniagaan merupakan pengasas dan pemilik bagi perniagaan nasi Kerabu Azmira. Beliau sangat mementingkan kualiti dan kebersihan hidangan yang disediakan dengan memastikan hanya menggunakan bahan-bahan yang segar terus dari lading di samping memastikan kebersihan premis retoran yang sentaisa di pantau rapi. Beliau telah melantik anaknya Mohd Alim b Safuan sebagai Pengurus Perkhidmatan Pelanggan yang sentaisa peka terhadap sebarang pandangan dank omen dari pelanggan.

Pn Azmira telah membuka lima cawangan Nasi kerabu Azmira di seluruh negeri Kelantan dan bercadang membuka cawangan di seluruh Malaysia, tetapi sentiasa memikirkan apakah bentuk yang sesuai bagi mengekalkan citarasa dan menu yang telah dihasilkan tetap sama dan tidak berlaku sebarang masalah yang boleh menjejaskan jenama Nasi Kerabu Azmira, dalam usaha ini beliau telah membuat pendaftaran cap dagangan dan memiliki hak eksklusif dengan perbadanan Harta Intelek Malaysia ( MyIPO) tiga tahun lalu.

Dalam usaha memperkembangkan perniagaannya dalam sektor pemasaran Nasi kerabunya, beliau mengambil keputusan untuk memberi peluang kepada Mohamad Amirul merupakan anak saudaranya yang berkelulusan Pengajian Pemasaran untuk mengetuai sector tersebut dengan beberapa orang pekerja di bawahnya. Pn Azmira. Sasaran Perniagaan NAsi Kerabu bukan hanya kepada pengguna di Negeri Kelantan sahaja, malah hendak mencapai jualan ke peringkat kebangsaan. Pn Azmira sendiri akan memegang jawatan pengurus besar dan akan melantik Safikah Yaulanda untuk mengetuai sector pengeluaran. Pn Azmira penuh yakin organisasi perniagaan beliau ini akan mencapai kejayaan yang cemerlang.

Pn Azmira juga bercadang untuk memperbesarkan lagi perniagaannya tetapi menghadapi masalah dalam pusingan modal yang sering tidak mencukupi terutama untuk membayar secara tunai kepada pembekal-pembekal bahan mentah. Pegawai kewangan telah mencadangkan Pn Azmira membuat pinjaman dengan institusi kewangan dan beliau telah bersetuju untuk menyediakan satu Rancangan Perniagaan untuk tujuan tersebut

Dalam satu mesyuarat bersama pekerja-pekerjanya, pegawai Perkhidmatan Pelanggan, En Mohd Alim telah mengungatkan Pn Azmira kepentingan perniagaan Nasi Kerabu Azmira menjaga hubungan dengan pihak luar dipersekitaran perniagaannya, ini bagi memastikan jenama Nasi Kerabu Azmira terus utuh di pasaran



Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut :

- (a) Apakah bentuk perniagaan yang sesuai bagi Pn Azmira untuk menambah cawangannya?  
Nyatakan ciri-ciri perniagaan bentuk tersebut. [5 markah]
  
- (b) Lakarkan carta organisasi yang sesuai berlandaskan maklumat yang di berikan. [5 markah]
  
- (c) Jelaskan tujuan pengurusan sumber teknologi dalam operasi perniagaan Pn Azmira. [5 markah]
  
- (d) Jelaskan peranan kerajaan negeri dalam membantu perkembangan perniagaan Pn Azmira. [5 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

---

Disediakan oleh :

Disemak oleh:

.....  
( )  
Guru M/P Perniagaan

.....  
( )  
Guru Kanan M/P Teknik & Vokasional

---